# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## AHAD 12 JUN 2022

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2. | MAFI, BERNAS BANGUNKAN PROGRAM SAWAH SKALA BESAR DI KOTA BELUD, UM -ONLINE<br>BEKALAN BARANGAN ASAS MENCUKUPI SEMPENA AIDILADHA, HM -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI) |
| 3.<br>4.<br>5. | PJKM DI SARAWAK REKOD 203,244 PENGUNJUNG, JUALAN RM4.4 JUTA SETAKAT INI, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE<br>KERJASAMA JADIKAN E-DAGANG PEMBOLEH PERTUMBUHAN PERNIAGAAN TANI SABAH, MINGGUAN SARAWAK -ONLINE<br>ALEXANDER: PJKM WILL EXTEND TILL JUNE 30, SEE HUA DAILY NEWS -ONLINE | LAIN-LAIN |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2022 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# MAFI, Bernas bangunkan program sawah skala besar di Kota Belud



MENTERI Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee (dua dari kiri) pada Majlis Perasmian SMART SBB di Kota Belud hari ini.

KOTA BELUD: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) membangunkan Program Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di Kampung Jawi-Jawi di sini dengan penglibatan seramai 40 pesawah tempatan.

Smart SBB di sini merupakan program kolaborasi di antara Bernas, Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah serta agensi kerajaan lain.

Ketua Blok Skim Jawi-Jawi Kota Belud, Rajumin Jamrin berkata, program itu memberi pelbagai manfaat kepada penduduk terutamanya pesawah tempatan.

Katanya, pesawah di kawasan ini didedahkan kepada pelbagai latihan pertanian bagi memperkasakan lagi pengetahuan serta kemahiran mereka.

Ujarnya, ia termasuklah pengamalan teknologi terkini seperti dron dan jentera yang bersesuaian dalam pengurusan tanaman padi serta Jadual Kerja Ladang yang merupakan kaedah amalan pertanian yang lebih tepat.

"Melalui program ini, ia membantu kami untuk mengusahakan sawah secara berpasukan dan lebih sistematik.

"Selain itu, Bernas turut membimbing kami dalam penetapan Jadual Kerja Ladang yang lebih teratur yang mampu mengurangkan risiko kepada tanaman serta mengelakkan pembaziran input pertanian.

"Ini sekaligus dapat membantu kami dalam meningkatkan hasil padi serta pendapatan kami," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Rajumin, penggunaan teknologi dron memudahkan urusan kami dalam pengurusan ladang dan memberi kami masa terluang untuk melakukan kerja-kerja harian lain.

"Penggunaan teknologi dron memberi hasil semburan baja dan racun yang lebih sekata meliputi seluruh kawasan ladang dalam tempoh masa yang jauh lebih singkat, mengurangkan penggunaan tenaga dan mengoptimakan input serta kos." katanya.

Smart SBB mula diperkenalkan dari awal tahun 2021 merupakan salah satu inisiatif Mafi dalam meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSL) beras negara kepada 75 peratus menjelang 2025 atau sebelum berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Bernas amat komited dalam mengukuhkan hala tuju strategik bagi membangunkan Smart SBB, selari dengan aspirasi Mafi dalam mengukuhkan kelestarian industri. – UTUSAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/6/2022 | HARIAN METRO | ONLINE | |

# Bekalan barangan asas mencukupi sempena Aidiladha




ROSOL meninjau jualan sempena PJKM di Lotus Tebrau. FOTO Omar Ahmad

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan barangan asas termasuk ayam dan daging mencukupi bagi menampung permintaan sempena Aidiladha bulan depan.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, orang ramai tidak perlu bimbang mengenai bekalan barangan asas itu.

Katanya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) juga memaklumkan jaminan bekalan berkaitan ternakan itu adalah mencukupi.

"Setakat ini maklumat yang kita terima daripada MAFI, orang ramai tidak perlu bimbang kerana bekalan ayam dan daging mencukupi pada Aidiladha nanti. Itu tiada isu.

"Sekiranya terdapat kekurangan bekalan, kita akan berbincang dengan MAFI untuk pastikan ia mencukupi dalam pasaran. Pemantauan juga dibuat oleh anggota penguat kuasa dibantu persatuan pengguna dan orang ramai.

"Orang ramai juga boleh salurkan maklumat kepada kami sekiranya terjadi kekurangan bekalan di pasaran untuk tindakan," katanya selepas membuat lawatan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di sini, hari ini.

Rosol berkata, sehingga hari ini, PJKM merekodkan hasil jualan mencecah RM54 juta di 1,702 lokasi di seluruh negara.

"Sepanjang pelaksanaan PJKM, pelbagai barangan keperluan harian dijual dengan harga istimewa sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat.

"Di peringkat Johor pula, sehingga 4 Jun lalu, PJKM dilaksanakan di 273 lokasi meliputi semua kawasan parlimen jumlah jualan mencecah RM7.1 juta," katanya.

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 1 PRINTED SIZE: 210.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,565.00 ITEM ID: MY0048535187



12 JUN, 2022

# PJKM di Sarawak rekod 203,244 pengunjung, jualan RM4.4 juta setakat ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



## PJKM di Sarawak rekod 203,244 pengunjung, jualan RM4.4 juta setakat ini

**KUCHING:** Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) telah dilaksanakan di semua kawasan Parlimen di Sarawak dengan merekodkan seramai 203,244 pengunjung dan jualan mencecah RM4.4 juta setakat ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, penganjuran program yang meliputi 154 lokasi di seluruh negeri ternyata membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

"PJKM telah terbukti dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai.

"Ini diakui sendiri oleh Keluarga Malaysia yang mengunjungi PJKM berdasarkan temu bual di lokasi-lokasi program," ujarnya dalam satu kenyataan, semalam.

Terdahulu, beliau merasmikan PJKM untuk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Semuja dan mengadakan 'walkabout' bersama ADUN Bukit Semuja John Ilus di tapak program di Serian.

Nanta berkata, di peringkat nasional pula, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) selesai melaksanakan PJKM di kesemua 222 kawasan Parlimen pada 22 Mei lalu.

"Seramai 2.796 juta pengunjung telah dicatatkan menghadiri PJKM dengan rekod hasil jualan mencecah RM54.548 juta.

"Perancangan awal pelaksanaan PJKM adalah sehingga 31 Mac sahaja.

"Bagaimanapun, atas permintaan ramai, pelaksanaan PJKM dilanjutkan sehingga Jun 2022," jelasnya.

Sepanjang pelaksanaan PJKM katanya, pelbagai barangan keperluan harian dijual pada harga istimewa sehingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran setempat.

Antara barangan yang menjadi tumpuan pengunjung adalah ayam segar, telur ayam, minyak masak, gula, tepung dan sayur-sayuran, katanya.

PJKM dilaksanakan dengan sokongan dan kerjasama Kementerian Kewangan dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta agensi-agensi kerajaan lain seperti FAMA, LKIM, NAFAS, NEKMAT dan Lembaga Pertubuhan Peladang.

Ia turut disokong oleh rakan-rakan strategik daripada pemain industri peruncitan yang terdiri daripada pasar raya-pasar raya besar, pasar raya, pembekal dan pemborong.

Sementara itu, seramai 176 pegawai penguat kuasa dan 101 pegawai pemantau harga KPDNHEP di seluruh negeri Sarawak akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tidak berlaku elemen pencatutan terhadap barangan keperluan harian dalam pasaran.

Orang ramai boleh menyalurkan sebarang pertanyaan dan aduan terus kepada KPDNHEP melalui talian WhatsApp di 019-279 4317 atau 019-848 8000, aplikasi ez-Adu atau e-mel kepada e-aduan@kpdnhep.gov.my.



**TERBAIK:** Nanta (kanan) ditemani John (dua kiri) menunjukkan barangan keperluan harian pada Program Jualan Keluarga Malaysia DUN Bukit Semuja di Serian, semalam.

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 1 PRINTED SIZE: 210.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,565.00 ITEM ID: MY0048535187



12 JUN, 2022

# PJKM di Sarawak rekod 203,244 pengunjung, jualan RM4.4 juta setakat ini

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

KUCHING: Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) telah dilaksanakan di semua kawasan Parlimen di Sarawak dengan merekodkan seramai 203,244 pengunjung dan jualan mencecah RM4.4juta setakat ini. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dar Hal Ehwal Pengguna Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata, penganjuran program yang meliputi 154 lokasi di seluruh negeri ternyata membantu meringankan kos sara hidup rakyat."PJKM telah terbukti dapat membantu meringankan kos sara hidup rakyat dengan sambutan yang sangat menggalakkan daripada orang ramai.

AUTHOR: No author available SECTION: EKONOMI PAGE: 31 PRINTED SIZE: 407.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 925.00 ITEM ID: MY0048536751



12 JUN, 2022

# Kerjasama jadikan e-dagang pemboleh pertumbuhan perniagaan tani Sabah

Mingguan Sarawak, Malaysia



# Kerjasama jadikan e-dagang pemboleh pertumbuhan perniagaan tani Sabah



**MULAKAN KERJASAMA...** Pengarah Eksekutif Nutribah Preston Sean Soh dan Ketua Pegawai Operasi Lazada Malaysia Darren Rajaratnam.

KUALA LUMPUR: Lazada Malaysia (Lazada) memulakan kerjasama dengan Sabah Green Development Sdn Bhd (Nutribah), sebagai sebahagian usahanya untuk menyumbang kepada pembangunan perdagangan secara digital Sabah.

Ketua Pegawai Operasi Lazada Malaysia, Darren Rajaratnam berkata, pendigitalan perniagaan tani Malaysia Timur serta industri lain yang berkaitan akan membolehkan petani, peniaga dan usahawan tempatan di Sabah berkembang lebih jauh pada tahun-tahun akan datang.

"Lazada telah berada di Malaysia selama 10 tahun dan kami akan terus menjadi pemangkin perdagangan secara digital bagi usahawan tempatan. Kerjasama antara Lazada dan Nutribah akan menjadi titik permulaan dalam usaha kami untuk membangunkan asas penjual yang lebih kukuh di Sabah dan membolehkan mereka mencapai lebih ramai pelanggan di seluruh negara.

"Sejak beberapa tahun, bilangan penjual Malaysia Timur yang aktif menjual di Lazada telah meningkat secara beransur-ansur dan kini telah meningkat dua kali ganda berbanding tahap sebelum pandemik. Menyedari perniagaan tani penting dalam ekonomi Sabah, wajar untuk kami menumpukan usaha dalam membangunkan lagi bidang ini," katanya dalam temu bual media pada Khamis.

Beliau berkata, kategori 'Grocery' merupakan antara tiga kategori yang paling pantas berkembang bagi e-dagang, dengan kekerapan pembelian yang tinggi.

Menurut 'Kajian Pengguna Lazada 2022', kategori 'Grocery' terus berkembang dan lebih ramai pelanggan kini membeli barangan runcit mingguan mereka secara dalam talian dan lebih separuh daripada rakyat Malaysia berminat untuk membeli-belah dalam talian bagi produk dalam kategori kesihatan dan kesejahteraan.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Nutribah, Preston Sean Soh berkata, kerjasama dengan Lazada boleh membantu ke arah merealisasikan visi ekonomi hijau yang mampan, khususnya untuk industri pertanian Sabah.

Beliau berkata, ia juga akan menghubungkan pengguna di seluruh negara kepada rangkaian luas produk organik Sabah dan tawaran khusus.

Selain itu, kerjasama tersebut juga penting untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh perniagaan tani dan usahawan merentas semua industri di Sabah, terutama penyelesaian penghantaran peringkat akhir dan logistik, katanya.

"Pengedaran yang berkesan, terutama kecekapan dalam menyerahkan produk kepada pelanggan adalah faktor utama dalam kerjasama kami dengan Lazada. Bagi Nutribah, antara bidang tumpuan kami adalah jaminan nutrisi dan ini dapat dicapai melalui usaha kolektif dengan petani organik tempatan dan pakar nutrisi dalaman kami.

"Selain itu, pengoptimuman sumber yang mampan dan pengurangan kehilangan hasil juga menjadi keutamaan kami. Bagi setiap penuaian, khususnya hasil segar yang mudah rosak, akan berlaku purata pembusukan sebanyak 30 peratus dan kami terus berusaha untuk mengurangkannya secara beransur-ansur," katanya.

Bagi Lazada, ini juga merupakan sebahagian usaha berterusan untuk menyokong petani tempatan dan rantaian nilai makanan perniagaan tani.

Pada 2020, Lazada bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Malaysia Digital Economy Corporation untuk memacu program 'Penyertaan Produk Makanan Tani dalam Platform e-Dagang'.

Sektor pertanian merupakan antara bidang tumpuan mengikut Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, dengan jumlah nilai barangan kasar dijangka meningkat kepada RM125 bilion menjelang 2025.

Menurut Lazada, ini akan membolehkan usahawan perniagaan tani melakukan lonjakan digital dan membantu mengembangkan ekonomi digital negara. - Bernama

isentia
AUTHOR: No author available SECTION: EKONOMI PAGE: 31 PRINTED SIZE: 407.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Black/white ASR: MYR 925.00 ITEM ID: MY0048536751



12 JUN, 2022

# Kerjasama jadikan e-dagang pemboleh pertumbuhan perniagaan tani Sabah

Mingguan Sarawak, Malaysia



## SUMMARIES

MULAKAN KERJASAMA... Pengarah Eksekutif Nutribah Preston Sean Soh dan Ketua Pegawai Operasi Lazada Malaysia Darren Rajaratnam.

KUALA LUMPUR: Lazada Malaysia (Lazada) memulakan kerjasarpa dengan Sabah Green Development Sdn Bhd (Nutribgh), sebagai sebahagian usahanya * untuk menyumbang kepada-pembangunan perdagangan secara digital Sabah.



12 JUN, 2022

# Alexander : PJKM will extend till June 30

See Hua Daily News, Malaysia



## 阿歷山大：降低物價

# 大馬一家促銷延至30日

（本报古晋11日讯）“大马一家促销计划”（PJKM）反应极其热烈，首相已同意延长该计划，从原本的3月31日延至6月30日！

大马国内贸易与消费人事务部长拿督斯里阿历山大今日与武吉瑟慕查州议员约翰依鲁斯巡视该计划武吉瑟慕查举办的“大马一家促销计划”后，发文告时，如是表示。

商品比市价便宜20%

他说，由首相拿督斯里依斯迈沙比里于2021年12月2日推展的“大马一家促销计划”现已成功从国会选区扩大到州选区。今日他与约翰依鲁斯巡视该计划的落实，也亲自了解当地人民如何从该促销计划中，降低他们的生活成本，在该计划下商品的价格比市场便宜20%。

他感谢当地的国州议员为“大马一家促销计划”的成功落实所做出的贡献，安排当地的战略合作夥伴，降低物价，让人民能以较低的价格购买特定商品。

他指出，截至5月20日，该部在全国所有222个国会选区实施“大马一家促销计划”，包括覆盖1702个属于反对党国会选区的地点，每个国会选区平均有7个地点。

### 創5454.8萬銷售收入

他称，该计划吸引了279万6000人参与，创下了5454万8000令吉的销售收入。起初，“大马一家促销计划”仅落实到3月31日。然而，由于接到许多民众的要求，首相已同意将该计划延长至年6月份。

他表示，在砂拉越，该计划已在154个地点举办涵盖所有的国会选区，总销售额达到440万令吉，并吸引20万3244名与会者。

他说，该计划已被证明有助于减轻人们的生活成本负担，公众的反应令人鼓舞。这是根据当地受访人民对该计划的看法后获得证实。

他表示，在该计划实施期间，各种日常用品都是低于当地市场价格的20%出售，这些物品包括新鲜鸡肉、鸡蛋、食用油、糖、面粉和蔬菜。

他指出，该计划获得财政部、农业和食品工业部（MAFI）以及其他政府机构，如联邦农业销售局、大马渔业发展局、国家农民组织、全国渔民协会和农民组织机构的支持和合作下落实。该计划也得到了来自零售业者包括霸级市场、超市、供应商和批发商的战略合作夥伴的支持，全部共有240多个战略合作夥伴参与了该计划。

### 執法員監督防牟暴利

他也提醒所有交易者始终在道德上遵守政府制定的规则和法律，同时，呼吁人民在这困难时期保持耐心并与政府同在，度过这个影响著世界，影响著全球食品供应链和国家的非常时期。

他指出，砂拉越共有176名执法人员和101名价格监察员将继续执行监督检查，确保供应始终稳定，不存在市场上的日用品暴利因素。

公众可以提出任何查询和投诉可以通过WhatsApp专线019-2794317或019-848 8000或使用ez-Adu手机应用程式或发送电子邮件至e-aduan@kpdnhep.gov.my直接联系国内贸易与消费人事务部。



大马国内贸易与消费人事务部长拿督斯里阿历山大（左3）与武吉瑟慕查州议员约翰依鲁斯（左2）在超市负责人和官员的陪同下，巡视蔬菜部门。



阿历山大（右2）与约翰依鲁斯（左1）及官员们和超市负责人巡视鸡肉部门。




阿历山大（右3）与约翰依鲁斯（右2）在众人的陪同下，为“大马一家促销计划”主持推展礼。



12 JUN, 2022

# Alexander : PJKM will extend till June 30

See Hua Daily News, Malaysia



## SUMMARIES

『阿歷山大：降低物價 大馬一家促銷延至30曰(本报古晋1 1 日讯）“大马一家促销计划” （PJKM)反应极其热烈，
首相已同意延长该计划，从原本的3月31日延至6月30日！大马国内贸易与消费人事务部长拿督斯里阿历山大今日与武吉瑟慕查州议员约翰依鲁斯巡视该计划武吉瑟慕查举办的“大马一家促销计划”后，发文告时，如是表示。商品比市价便宜20无他说，
由首相拿督斯里依斯迈沙比里于2021年12月2曰推